

Empat daerah di Pahang dilanda banjir

um 22/1

Oleh AIZAWATI AHMAD

KUANTAN 21 Jan. - Empat daerah di Pahang dilanda banjir hari ini setelah hujan lebat tanpa henti sejak semalam, menyebabkan 672 mangsa terpaksa dipindahkan di seluruh Pahang.

Selain Rompin yang banjir sejak lebih seminggu lalu, beberapa kawasan di daerah Raub, Kuala Lipis dan Bentong juga dilanda bencana itu.

Walaupun cuaca agak baik di Rompin, tetapi rumah penduduk di beberapa kampung di daerah itu tetap dinaiki air.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di daerah itu mendapati banjir sedalam 0.3 meter pada awal pagi itu berlaku ekoran limpahan air dari Sungai Anak Endau di Johor.

Sehingga pukul 3 petang ini, paras air meningkat melebihi satu meter walaupun tiada hujan di Rompin.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pahang berkata, daerah

yang paling teruk terjejas ialah Raub dengan lapan kampung dinaiki air membabitkan 516 mangsa.

Antara kampung di daerah itu yang terlibat dengan bencana tersebut ialah Kampung Ulu Semantan dan Kampung Batu Talam Tengah.

Beberapa penempatan dalam kawasan Dewan Undangan Negeri Batu Talam yang kini menghadapi pilihan raya kecil juga dilanda banjir.

Di Rompin, 64 orang mangsa daripada 17

keluarga telah dipindahkan semula ke pusat pemindahan pada pukul 2 petang ini.

"Dua kampung di daerah itu telah dinaiki air iaitu Kampung Kurnia dan Kampung Ganoh," ujar jurucakap itu.

Bagi daerah Bentong pula, 73 orang daripada 19 keluarga di Kampung Pasir Karak Setia terpaksa dipindahkan manakala di Kuala Lipis, 92 orang dari Kampung Lubuk Kulit dipindahkan.

● Lagi berita, gambar di muka 6 dan 7